

MENERAJUI KECEMERLANGAN

INFO

BIL. 2/2020 ISSN 0127-1023



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



JANA PENDAPATAN DENGAN APLIKASI SMARTPHONE

08 NIAGA TANI PINTAR JANA
INCOME STEADY

12 KOLOKIUM 2020 MEDAN
PERKONGSIAN INTELEKTUAL

21 MEMPERKASA HALA TUJU
PERNIAGAAN KOPERASI MiRiCLe



DKN
2030
Dasar Kesejahteraan Nasional
Rujukan Konsultatif Ogos 2020



www.ikkm.edu.my



Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamsdillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah INFO edisi kedua 2020 dapat diterbitkan. Pada kesempatan ini, saya mewakili pihak editorial Majalah INFO ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan sumbangan idea bagi penghasilan majalah ini. Komitmen dan usaha semua pihak yang menjadikan penerbitan majalah ini terlaksana haruslah dipuji.

Kementerian Kesihatan Malaysia baru-baru ini telah mengesahkan Malaysia telah memasuki gelombang ketiga COVID-19 selepas mencatatkan peningkatan ketara kes COVID-19 di Malaysia yang kini mencecah 97,389 kes pada 22 Disember 2020. Dalam usaha memutuskan rantaian penularan jangkitan wabak ini, kita sebagai rakyat Malaysia harus bersatu padu dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sehari-hari. Penularan wabak COVID-19 telah memberikan impak yang amat besar terhadap ekonomi global. Ini terbukti apabila kadar pengangguran semakin meningkat kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Ramai rakyat kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan sejak COVID-19 melanda di negara kita. Sektor koperasi juga turut terjejas apabila prestasi

operasi perniagaan koperasi merosot 32% akibat penularan COVID-19 sehingga menyebabkan penguncupan pendapatan sehingga 33.9%. Ia berdasarkan Kajian Kesan Wabak COVID ke atas Perniagaan Koperasi oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Kaji Selidik Usahawan Pasca COVID, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Menerusi Belanjawan 2021 yang telah dibentang pada 6 November 2020, Menteri Kewangan Malaysia, YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz telah memperuntukkan sebanyak RM322.5 bilion yang merangkumi perbelanjaan mengurus, tabung COVID-19 dan perbelanjaan pembangunan. Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin pula menegaskan bahawa Belanjawan 2021 merupakan penzahiran konsep Prihatin Rakyat. Kebajikan dan kesihatan rakyat adalah keutamaan manakala kelangsungan perniagaan serta ketahanan ekonomi menjadi pegangan demi mencapai kemakmuran bersama. Diharapkan agar Belanjawan 2021 dapat merancakkan semula ekonomi negara kita dan mewujudkan semula peluang perniagaan untuk rakyat Malaysia.

Dalam usaha menangani kesan pandemik COVID-19, pihak IKM telah merancang penganjuran kursus dan program yang bersesuaian dengan keperluan gerakan koperasi. Tahun 2021, IKM berfokus kepada inisiatif **Melonjakkan Pendapatan Koperasi** melalui program MiRiCLE, **Membangunkan Keusahawanan Koperasi** meliputi

sektor harta tanah (perumahan) dan industri pembinaan, perlادangan dan asas tani, pelancongan, penjagaan diri & kesihatan serta pemborongan dan peruncitan. Selain itu, IKM turut menjalankan program **Memperkasa Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E)** melalui adaptasi IR 4.0 dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan koperasi baharu. Turut diperkasakan adalah program **Pemantapan Kewangan dan Perakaunan (F.A.S.T)** serta **Rejuvenasi Koperasi** yang menyasarkan koperasi tidak aktif untuk dibimbing ke arah pemulihian semula.

Segmen Eksklusif kali ini memaparkan program Bicara Ilmu yang telah dianjurkan oleh IKM Zon Sarawak bertajuk "Jana Pendapatan dengan Aplikasi Smartphone" yang telah diadakan pada 29 Ogos 2020 dan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota koperasi dalam pemasaran dalam talian dengan menggunakan aplikasi telefon pintar sejajar dengan kesan COVID-19 yang telah memberikan impak negatif terhadap perniagaan koperasi. Semoga dengan perkongsian rencana yang dimuatkan dalam majalah INFO keluaran kali ini dapat memberi sedikit informasi berkenaan program-program yang dijalankan oleh IKM khususnya dalam menelusuri norma baharu.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021 buat semua para pembaca.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos

Sidang Editor

Penasihat

En. Mohd Roslan Bani Amin
Ketua Pengarah

Ketua Editor

Pn. Hamidah Mohd Jos

Editor

Pn. Norhayati Abd. Rahman
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pn. Nur Syazwani Zainul Abidin
Pn. Nor Azlina Kassim
Pn. Norawati Ngatmin
Pn. Syarifah Rohaya Wan Idris
Pn. Hjh. Yusnita Othman
En. Hafizal Abu Bakar

Pn. Rohalinda Ahad

Pn. Julizah Sabstu
En. Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Pn. Malesa Shela Ta'yib
En. Muhammad Afnan Hasim
En. Muhammad Shafiq Mohd Noor
Cik Nasuha Nezuakifli
Pn. Norul Hayatie Hashim

Penyelaras

Cik Zaharatul Laili Zakaria
Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.
www.rekacetak.com



Kandungan

EKSKLUSIF


- 6 Jana Pendapatan dengan Aplikasi Smartphone
- 8 Niaga Tani Pintar Jana Income Steady



06

FOKUS

- 10 Seminar Digital Leadership Digitalisasi dalam Kepimpinan Koperasi
- 12 KOLOKUM 2020 Medan Perkongsian Intelektual



PERSPEKTIF

- 14 Teknologi Penanaman Nanas
- 16 Bengkel Khas MiRiCLE: Pemantapan Operasi dan Jualan Pasar Mini di Tawau Sabah
- 18 Kursus Pengucapan Awam yang Berkesan
- 19 Inovasi Melalui Keusahawanan Sosial Koperasi
- 21 Memperkasa Hala Tuju Perniagaan Koperasi MiRiCLE
- 22 Roadmap Strategi Perniagaan Koperasi
- 26 Kursus Asas Koperasi "Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)"
- 28 Taklimat Online Penyenaraian Koperasi di Bursa Malaysia



GALERI

JARINGAN

- 30 Jaringan Kerjasama IKM Zon Utara dan ANGKASA Utara dalam Pembangunan Gerakan Koperasi
- 32 ICA-AP International Webinar Co-operative Training and Education Remote Learning, EdTech & COVID-19
- 34 Lawatan Penyelidik Institut Koperasi Malaysia (IKM) ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)



BERITA KAKITANGAN

- 36 Bengkel Penyelarasan MiRiCLE Zon dan Sektor Keusahawanan dan Perniagaan
- 37 Lawatan Penanda Aras EKSA ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEM)
- 39 Bengkel Pembangunan Soal Selidik (Siri 1) Anjuran Pusat Penyelidikan
- 41 Kunjungan Hormat Pengarah IKM Zon Timur ke Pejabat SKM Negeri Pahang
- 42 Kursus Teknik Komunikasi dan Pengucapan Berkesan Jabatan Akuantan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang
- 43 Lawatan Penanda Aras Kakitangan IKM Zon Timur ke Koperasi Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02 Berhad





TAHNIAH

**YBHG. DATO' SURIANI
BINTI DATO' AHMAD**

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

Ikhlas Daripada
**ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN TERTINGGI
DAN WARGA KERJA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**






Sekalung
**PENGHARGAAN
& TERIMA KASIH**

**MANTAN
YBHG. DATO' SRI HAJI
MOHAMMAD BIN MENTEK**

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**

Ikhlas Daripada
**ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH,
PENGURUSAN TERTINGGI
DAN WARGA KERJA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**





YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyampaikan ucapan perasmian.

Jana Pendapatan dengan *Aplikasi Smartphone*

Frank Me-OI
frank@ikkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sarawak pada 29 Ogos 2020 yang lepas telah menganjurkan Bicara Ilmu bertajuk "Jana Pendapatan dengan Aplikasi Smartphone" bertempat di bangunan Koperasi Pembangunan Bako Kuching Berhad, Kampung Bako Kuching. Program yang dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah disertai oleh seramai 156 orang peserta terdiri daripada koperator dan usahawan sekitar bandar raya Kuching.





Sewaktu bengkel dan ceramah program bicara ilmu.



Gerai jualan sempena Program diuruskan oleh Koperasi Usrati Kuching Bhd.

Objektif program adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota koperasi di Sarawak dalam pemasaran dalam talian dan penggunaan aplikasi telefon pintar sejajar kesan pandemik COVID-19 yang telah memberi impak negatif kepada perniagaan koperasi selain melahirkan lebih banyak usahawan kedai maya dalam koperasi. Peningkatan transaksi perniagaan melalui medium alam maya secara tidak langsung akan membantu meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor koperasi dengan menggunakan sepenuhnya teknologi atau IOT dalam perniagaan.

Pengisian program antaranya melibatkan ceramah dan bengkel daripada pakar industri berkenaan topik. Dua sesi ceramah pada sebelah pagi menyentuh dua tajuk penting iaitu pengenalan asas fotografi produk melalui telefon pintar dan pengendalian kamera telefon dalam menghasilkan gambar yang menarik. Dalam sesi tersebut, peserta telah dideakah dengan kaedah mengambil gambar yang menarik menggunakan telefon pintar tanpa perlu menggunakan kamera digital yang mahal. Antara lain ia melibatkan kaedah peletakan objek

dan latar belakang objek yang betul selain sudut mengambil gambar yang sesuai. Sesi bengkel pada sebelah petang pula mengajar peserta kaedah bengkel menyunting gambar menggunakan aplikasi suntingan di dalam telefon pintar dan seterusnya mengiklankan melalui media sosial.

Kehadiran YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk perasmian program juga dimanfaatkan sepenuhnya untuk melawat usahawan pemprosesan 'Belacan Bako' yang terletak di Kampung Bako. Lawatan tersebut secara tidak langsung memberi gambaran sebenar kepada tetamu jemputan berkenaan kaedah memproses belacan secara tradisional.

Secara keseluruhannya, penganjuran program telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKM Zon Sarawak, besarlah harapan agar ilmu dan maklumat yang diperoleh oleh para peserta sepanjang mengikuti program tersebut mampu menyuntik lagi semangat mereka untuk memperkasakan penggunaan IOT dan teknologi terkini untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.



Lawatan ke tapak pemprosesan belacan.

Peningkatan transaksi perniagaan melalui medium alam maya secara tidak langsung akan membantu meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor koperasi dengan menggunakan sepenuhnya teknologi atau IOT dalam perniagaan.



YB Menteri berkesempatan beramah mesra dengan usahawan koperasi di *booth* jualan.

Niaga Tani Pintar Jana *Income Steady*

Hamizah Mohd Nazir
hamizah@kkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak



YB Menteri menyampaikan ucapan perasmian.

Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah merasmikan Program Bicara Ilmu “Niaga Tani Pintar, Jana *Income Steady*” pada 17 Oktober 2020 di Hotel Imperial Kuching, Sarawak anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sarawak. Program ini merupakan inisiatif IKM melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk memberi pendedahan kepada usahawan dan anggota koperasi menjana pendapatan melalui pertanian moden dengan penggunaan teknologi Revolusi Industri 4.0 serta keusahawanan koperasi.

Program yang dihadiri seramai 210 orang anggota koperasi dan agensi ini menerangkan tentang potensi sektor pertanian di negeri Sarawak dan penggunaan teknologi dalam

pengurusan pertanian. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian moden yang boleh menjadi barisan pelapis baharu kepimpinan koperasi. Sebanyak dua kertas kerja telah dikongsikan bersama koperator iaitu "Jaminan Makanan dan IOT dalam Pengurusan Pertanian" oleh Puan Chong Mui Sia daripada Jabatan Pertanian Sarawak dan "Perkongsian Pengalaman serta Peluang Keusahawanan Tani dalam Koperasi" oleh Encik Ahmad Shafiq bin Ahmad Sabirin daripada HFE Agro Sdn Bhd.

Selain perkongsian kertas kerja, program ini juga memberi peluang kepada usahawan koperasi untuk mengadakan jualan dan pameran produk koperasi. Sebanyak 13 gerai jualan produk koperasi dan lapan gerai agensi memeriahkan lagi program ini. Antara jualan gerai koperasi adalah barangas dasar dapur, kuih tradisional, air sarang burung, produk kecantikan dan pokok hiasan. Tidak ketinggalan juga, perhiasan diri yang diperbuat daripada manik Sarawak.

Di bawah program Tanggungjawab Sosial Korporat, IKM Zon Sarawak terus komited untuk memberi sumbangan kepada 50 orang penerima di bawah Pakej

Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Sumbangan berupa barang keperluan asas rumah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

IKM sebagai pusat pendidikan dan latihan koperasi yang bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan koperasi, tidak jemu mencurah ilmu kepada anggota koperasi di Sarawak untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan seperti di dalam pengurusan pertanian moden. Program ini diharap dapat melahirkan lebih ramai usahawan tani berjaya dalam koperasi dan membantu meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor koperasi dengan menggunakan sepenuhnya teknologi atau IOT dalam pengurusan pertanian moden.

MEDAC sentiasa memberikan komitmen tidak berbelah bagi dalam usaha untuk memperkasakan gerakan koperasi selaras dengan Dasar



Peserta mendaftar mengikut SOP yang ditetapkan oleh IKM.

Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang menyasarkan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030. Hasil usaha ini akan dapat dicapai apabila kementerian bersama agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan koperasi, sentiasa berusaha mengukuhkan prestasi dan produktiviti pelbagai sektor koperasi, sebagai salah satu penyumbang utama dalam usaha meningkatkan ekonomi negara.



YB Menteri menyampaikan sumbangan kepada penerima di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.



YB Menteri bergambar bersama Ketua Agensi MEDAC dan peserta program.



Seminar Digital Leadership Digitalisasi dalam Kepimpinan Koperasi

Nor Aslamiah Ali

norasmiah@ikkm.edu.my
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pusat Teknologi maklumat & Komunikasi (ICT) telah menganjurkan program seminar Digital Leadership bertemakan “Digitalisasi dalam Kepimpinan Koperasi” pada 27 Ogos 2020. Sasaran peserta bagi seminar ini terdiri daripada koperator dari barisan pengurusan dan pentadbiran, usahawan

dan juga individu yang berminat untuk mendalami bidang kepimpinan digital. Program selama satu hari yang bertempat di Hotel Grand Lexis, Port Dickson dengan kehadiran seramai 152 orang ini memberi pendedahan berkaitan transformasi digital dalam kepimpinan sebagai persiapan menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Penceramah yang mengendalikan setiap sesi dalam seminar ini adalah dari pakar yang berpengalaman dalam bidang industri Revolusi Industri 4.0 dan kepimpinan digital iaitu Encik Kamaruzzaman bin Jahidin (Pengerusi, Powernode Solutions Sdn Bhd) dan Mohd Fauzi bin Nordin (Strategic Coach & Coaching the Minds Coach). Seminar



Encik Roslan bin Bani Amin, Ketua Pengarah IKM merasmikan seminar.



Ketua Pengarah IKM (kiri) beramah mesra dengan peserta seminar.



Peserta seminar khusuk memberi perhatian terhadap penyampaian daripada penceramah.



Para peserta yang hadir turut mengaminkan doa agar majlis diberkati.

ini telah dirasmikan oleh YBhg. Encik Roslan bin Bani Amin, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia. Dalam ucapan perasmian, beliau menggesa anggota koperasi untuk melengkapkan diri dengan "kemahiran abad ke-21" ke arah mendigitalkan operasi perniagaan, dan keperluan untuk bekerjasama dengan usahawan-usahawan lain supaya terus bertahan dalam persekitaran dinamik ini. Tambahan masa sukar kini dengan cabaran mendepani pandemik COVID-19, kepimpinan koperasi perlu siap siaga mencari jalan penyelesaian terbaik bagi kelangsungan perniagaan koperasi. Justeru, fenomena teknologi Revolusi Industri 4.0 perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar koperasi mampu bersaing dan terus kekal relevan dalam mendepani kemajuan dan perkembangan pasaran yang semakin dinamik. Kepimpinan koperasi juga boleh membuat keputusan dan perancangan perniagaan dengan lebih tersusun dan realistik di samping mengurus koperasi dengan lebih cekap, telus dan amanah berbantuan teknologi.

Sebanyak lima kertas kerja yang dibincangkan dalam seminar ini dengan penyertaan aktif daripada para peserta. Sesi pertama bertajuk "Apakah Transformasi Digital?" yang memberi kefahaman kepada peserta berkaitan

transformasi digital dalam membantu pembuatan keputusan dan analisis data serta mengapa perlu adanya transformasi digital. Sesi ke-2 bertajuk "Mencipta dan Menghadapi Visi Berteraskan Digital", penceramah berkongsi tip untuk sentiasa berdaya saing sesuai dengan visi yang ditetapkan dalam koperasi iaitu untuk menjadi terunggul dan terkemuka. Manakala sesi ke-3 pula bertajuk "Solusi Digital bagi Penyelesaian Masalah" menyuntik semangat peserta seminar untuk mencari solusi daripada teknologi yang tersedia kepada permasalahan yang dihadapi. Pendedahan berkaitan 11 tontong utama dalam Industri Revolusi Industri 4.0 turut dibincangkan. Sesi ke-4 bertajuk "Mengurus Perniagaan Koperasi Secara Digital" menekankan bagaimana

cara untuk mencipta keuntungan dalam perniagaan dan menggunakan kelebihan pemasaran digital dan pengaplikasian kepimpinan digital. Sesi terakhir bertajuk "Langkah mewujudkan koperasi digital", di mana penceramah berkongsi tentang cabaran dalam mewujudkan koperasi digital iaitu dari aspek teknologi, manusia dan proses. Turut dikongsikan langkah yang perlu diambil bagi mewujudkan koperasi digital.

Secara keseluruhannya, seminar ini berjaya mencapai objektif seperti yang diharapkan. Semoga program seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang dalam memberi pendedahan kepada koperasi-koperasi berkaitan teknologi terkini bagi mendepani arus Revolusi Industri 4.0.



Barisan urus setia bersama para penceramah.

KOLOKIUM 2020

Medan Perkongsian Intelektual

Nur Anizah Aziz
anizah@ikkm.edu.my
Pusat Penyelidikan



Ucapan aluan oleh YBhg. Encik Mohd Roslan bin Bani Amin,
Ketua Pengarah IKM.



Perasmian Penutupan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Mantan Ketua Setiausaha MEDAC.

Program Kolokium IKM 2020 merupakan program tahunan kali ke-13 yang telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan, IKM. Program Kolokium ini merupakan perkongsian idea dan maklumat berkenaan isu-isu semasa gerakan koperasi serta untuk berkongsi ilmu dan pengalaman yang diperoleh Pegawai Latihan dan wakil agensi hasil daripada program sangkutan dan latihan di koperasi dalam dan luar negara. Platform Kolokium ini juga adalah untuk

mendapatkan maklumat mengenai halangan akta yang mengekang koperasi di Malaysia untuk dilaksanakan untuk diangkat ke peringkat kementerian (MEDAC).

Program ini telah berlangsung selama dua hari bermula pada 3 September dan 4 September 2020 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seramai 93 orang peserta telah hadir dalam program Kolokium pada kali ini yang melibatkan peserta dari IKM dan agensi. Perincian

peserta tersebut adalah (83) orang terdiri daripada Ketua Pengarah IKM, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (PMI), Pengarah Kanan, Pengarah Pusat/Sektor/Zon, Pegawai Latihan dari IKM Petaling Jaya, Zon Sabah, Zon Sarawak, Zon Utara, Zon Timur, dan Zon Selatan. Manakala bagi wakil agensi pula melibatkan dua orang wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dua orang wakil ANGKASA, empat orang wakil Lembaga Pemasaran Pertanian



Persekutuan (FAMA), dan dua orang wakil Jabatan Pertanian Malaysia (DOA).

Program dimulakan dengan penyampaian ucaptama daripada Cik Sharina Abdullah, Pengarah Kanan Dasar dan Strategi, IKM. Sebaik sahaja selesai penyampaian ucaptama tersebut, program diteruskan dengan sesi pembentangan yang melibatkan empat sesi dengan 11 pembentangan kertas kerja. Kertas pembentangan yang dikongsi tersebut merangkumi program latihan dan lawatan seminar di dalam dan di luar negara iaitu Jepun dan Australia. Daripada 11 kertas kerja tersebut, sebanyak tujuh pembentangan adalah

daripada Pegawai Latihan IKM, manakala selebihnya adalah daripada wakil pegawai agensi.

Kemuncak bagi program Kolokium IKM 2020 ini adalah majlis perasmian penutupan yang didahului dengan ucapan aluan oleh YBhg. Encik Mohd Roslan bin Bani Amin, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, dan seterusnya ucapan perasmian penutupan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Turut hadir dalam majlis perasmian penutupan tersebut ialah Pengerusi Lembaga Pengarah IKM, YBhg.

Prof. Dato Dr. Raduan Che Rose, Anggota Lembaga Pengarah IKM dan wakil MEDAC. Penutup kepada program Kolokium IKM 2020 adalah dengan nyanyian lagu patriotik dan kibar jalur gemilang sempena sambutan hari kemerdekaan.

Secara keseluruhannya, program Kolokium ini telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat komitmen yang baik daripada semua peserta. Dengan perkongsian pengalaman dan pengetahuan daripada para pembentang, dapat memberikan manfaat dan nilai tambah kepada Pegawai Latihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada koperator.



Antara tetamu kehormat yang hadir pada Majlis Perasmian Penutupan Program Kolokium IKM 2020.

Teknologi Penanaman Nanas



Norawati Ngatmin
norawati@ikkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Lawatan ke ladang nanas.



Sesi praktikal.



En. Ramai semasa sesi suai kenal bersama peserta.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah telah menganjurkan Bengkel Khas Koperasi MiRiCLE “Teknologi Penanaman Nanas” pada 21 hingga 22 Julai 2020 yang lalu. Bengkel yang telah dijalankan selama dua hari ini dilaksanakan secara teori dan praktikal. Seramai 22 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota-anggota koperasi di bawah program MiRiCLE IKM Zon Sabah. Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Shamsiah binti Syamsudin dan Puan Norawati binti Ngatmin sebagai fasilitator. Penceramah dan fasilitator dalam bengkel ini adalah pegawai daripada Jabatan Pertanian Sabah dan pemilik ladang Evergreen Eco Agriculture Sdn. Bhd. Keningau. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada teknologi penanaman nanas.



Sesi pembentangan Pelan Tindakan.



En. Jamaludin menyampaikan ceramah sesi ke-2.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah sesi taklimat mengenai Pakej Teknologi Tanaman Nanas yang disampaikan oleh Encik Ramari Inggit, Pegawai Pertanian Pejabat Pertanian Keningau. Manakala sesi seterusnya bertajuk Pensijilan myGAP dan myOrganic yang telah disampaikan oleh Encik Jamaludin Lani, Penolong Pegawai Pertanian Unit Pengurusan Daerah dan Pusat Latihan Petani, Seksyen Pengembangan Pertanian, Tuaran. Seterusnya sesi ketiga iaitu slot Perkongsian Pengalaman dan Latihan Praktikal oleh Prof. (Adjung) Datuk Yap

Yun Fook, Pengurus Yun Fook Resources Sdn Bhd merangkap Mentor Pertanian Negara. Selain sesi taklimat, latihan praktikal turut didemonstrasikan oleh Mr. Prem Ananthan, Pengurus Yun Fook Resources Sdn. Bhd.

Melalui penganjuran program ini juga, peserta dapat merasai sendiri pengalaman sebenar secara praktikal dalam menjalankan aktiviti penanaman nanas dan aktiviti-aktiviti sampingan yang dijalankan pengusaha ladang tersebut. Bahkan, para peserta turut dibawa melawat ladang nanas, ladang durian Musang King, kolam penternakan

ikan air tawar dan ladang penternakan lembu tenusu. Di penghujung bengkel, peserta seterusnya diberi peluang menyediakan pelan tindakan koperasi untuk dibentangkan bagi mendapatkan pandangan daripada fasilitator terlibat.

Para peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap inti pati program ini dan bersungguh-sungguh untuk menjalankan perniagaan aktiviti penanaman nanas apabila pulang ke koperasi masing-masing bagi membantu meningkatkan ekonomi koperasi dan secara tidak langsung dapat membantu komuniti setempat.



Lawatan ke kolam ternakan ikan air tawar.



Penyampaian sijil IKM kepada peserta bengkel.

Bengkel Khas MiRiCLE: Pemantapan Operasi dan Jualan Pasar Mini di Tawau Sabah

Jaibit Jaudin

jaibit@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Gambar kumpulan bersama dengan Tuan Haji Ceanry Haji Ayub, Bendahari KOPEMAS.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Sabah telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Operasi dan Jualan Pasar Mini sebagai salah satu inisiatif di bawah Program MiRiCLE untuk tahun 2020 pada 26 hingga 28 Ogos 2020. Penganjuran bengkel ini telah dijalankan melalui kerjasama Sektor Keusahawanan dan Perniagaan, Institut Koperasi Malaysia Petaling Jaya yang diselaraskan oleh Encik Jaibit Jaudin dan Puan Noor Shafeeza Zainuddin. Manakala, kemudahan penginapan urus setia dan peserta bagi sepanjang tempoh program telah disediakan oleh pihak IKM Zon Sabah.

Bengkel yang asalnya dirancang pada bulan April 2020 terpaksa ditunda disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Objektif penganjuran bengkel ini diadakan adalah untuk membolehkan peserta mempelajari asas penting dalam aktiviti peruncitan, memahami konsep *merchandising* dan panduan pemilihan barang niaga yang bersesuaian, mengetahui bagaimana merancang jualan dan merangka promosi runcit untuk mencapai sasaran jualan, mengetahui teknik menguruskan dan mengawal stok dan membangunkan

pelan strategik atau pelan operasi runcit. Sebanyak lima modul telah disampaikan dalam bengkel ini merangkumi Modul 1: Pengenalan - Asas Merchandising, Modul 2: Jangkaan Jualan dan Penetapan Harga, Modul 3: Jualan Harian Kedai, Modul 4: Pelarasian Harga dan Promosi dalam Kedai, Modul 5: Pengurusan Stok dan Modul 6: Membangunkan Pelan Strategik dan Operasi.

Bengkel selama tiga hari yang berlangsung dari jam 09.00 pagi hingga 6.30 petang ini telah diadakan di premis Koperasi Emas Tawau Sabah Berhad (KOPEMAS) yang terlibat dalam aktiviti



Puan Siti Zaleha sedang menyampaikan ceramah bengkel.



Puan Noor Shafeeza sedang menyampaikan taklimat bengkel kepada para peserta.

pemborongan dan peruncitan. Pemilihan premis KOPEMAS bertujuan memudahkan peserta menjalankan latihan praktikal seperti pengiraan stok selepas sesi teori. Pihak IKM merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan KOPEMAS atas kerjasama dan kebenaran menggunakan premis mereka sebagai lokasi latihan.


Bengkel ini telah dihadiri oleh ALK dan anggota koperasi MiRiCLE dari

beberapa daerah di negeri Sabah yang juga terlibat dalam aktiviti peruncitan. Seramai 23 orang peserta telah menyertai bengkel ini mewakili Koperasi Pembangunan Desa Saradan Tenghilan Berhad, Koperasi Wanita Kota Kinabalu Berhad, Koperasi Peneroka Felda Umas 2 Tawau Berhad, Koperasi Keluarga Bagudat Said Semporna Berhad, Koperasi MRSM Tun Fuad Stephens Sandakan Berhad dan Koperasi Bangsa Iranun Sabah Berhad.

Penceramah yang diundang khas oleh pihak IKM bagi menjayakan bengkel ini ialah Puan Siti Zaleha Ismail daripada Anggun Antara Resources (AAR) yang merupakan seorang pakar dalam industri pemborongan dan peruncitan. Secara keseluruhannya, penganjuran bengkel ini mendapat respon yang positif daripada para peserta dan berjaya dijalankan walaupun negara berada dalam situasi yang mencabar ini.



Sesi latihan praktikal pengiraan stok sedang berjalan.



Kursus Pengucapan Awam yang Berkesan

Muhammad Afnan Hasim

afnan@ikkm.edu.my

Sektor Keusahawanan dan Perniagaan



Sesi latihan yang dijalankan kepada peserta kursus.



Para peserta kursus bergambar kenangan.

Berucap di hadapan khalayak ramai bukanlah suatu perkara yang mudah, malah ia memerlukan keyakinan dan ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, lihat sahaja bagaimana seorang ahli politik berucap di atas pentas dengan bersahaja tanpa melihat kepada teks ucapannya atau keadaan di mana seorang penceramah yang berucap memberikan ceramah di hadapan orang ramai dengan tenang dan berjaya menarik perhatian penonton untuk mendengar sehingga tamat ceramahnya.

Sehubungan dengan itu, Institut Koperasi Malaysia (IKM), melalui Sektor Keusahawanan dan Perniagaan (SKP) telah menerima permohonan daripada Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH) bagi mengendalikan satu Kursus Pengucapan Awam kepada anggota-anggotanya.

Kursus yang telah dijalankan pada 14 September hingga 15 September 2020 yang lalu di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya, Selangor telah dihadiri seramai 25 orang daripada anggota Kohijrah Bhd. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan tentang konsep pengucapan dalam organisasi dan bagi memberi kefahaman tentang kepentingan pengucapan awam.

Selari dengan objektif kursus, beberapa topik telah disentuh sepanjang kursus ini antaranya seperti Pengenalan kepada Pengucapan Awam, Persediaan Pengucapan Awam dan Penyediaan Ucapan, Teknik Penyampaian, Kaedah Mengatasi Perasaan Gemuruh dan Gugup dan Praktikal Pengucapan Awam.

Scara keseluruhannya, para peserta telah dapat menimba ilmu pengetahuan baharu dan meningkatkan kemahiran

berucap di hadapan khalayak ramai. Selain itu, teknik dan kaedah yang didedahkan sepanjang berkursus ini juga sedikit sebanyak dapat membantu para peserta untuk diaplikasikan di organisasi dan digunakan pada masa hadapan.



Peserta kursus sedang mempraktikkan pengucapan awam di hadapan penonton.

Inovasi Melalui Keusahawanan Sosial Koperasi

Nazirah Baharudin

nazirah@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah



Pengarah Zon Tengah bersama-sama mendengar perkongsian pengalaman daripada pembentang.



Sesi soal jawab.



Perasmian penutupan oleh En. Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan.

Program Bicara Ilmu dengan tema “Inovasi melalui Keusahawanan Sosial Koperasi” telah diadakan pada 1 September 2020 (Selasa) di Institut Koperasi Malaysia (IKM), Petaling Jaya. Secara keseluruhannya, program ini berjalan dengan lancar dengan penyertaan seramai 110 peserta yang terdiri daripada 68 orang anggota daripada 26 buah koperasi, 13 orang usahawan, 4 individu dan 25 orang peserta daripada agensi. Program ini dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Shamsul Khairi bin Abu Hassan, Pegawai Latihan IKM dan pembentangan tiga kertas kerja daripada penceramah dan diakhiri dengan majlis penutupan perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan.



Pembentangan Slot 1 iaitu Model Keusahawanan Sosial Koperasi di Malaysia.



Pembentangan Slot 2 yang bertajuk Matlamat Pembangunan Mampan SDGs Perspektif Koperasi.

Perkongsian Bicara Ilmu pada kali ini membawa kepada tiga objektif iaitu untuk berkongsi ilmu dan maklumat berkenaan kefahaman Keusahawanan Sosial dari perspektif koperasi, berkongsi ilmu, maklumat serta pengalaman berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang diperoleh pembentang hasil program sangkutan, latihan dalam dan luar negara; dan seterusnya memberi pendedahan dan berkongsi maklumat berkenaan penglibatan pembentang berkaitan sumbangan keusahawanan sosial dalam komuniti dan koperasi.

Program yang melibatkan tiga pembentang ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dan kelayakan dalam bidang Keusahawanan Sosial Koperasi & Komuniti serta mempunyai kepakaran SDGs. Setiap pembentangan yang disampaikan amat menarik dan peserta dapat memahami konsep inovasi dalam pembangunan model perniagaan yang bermula bagaimana seseorang usahawan sosial melalui entiti koperasi berpeluang untuk membantu menyelesaikan permasalahan sosial dengan pelbagai

kaedah. Seterusnya, SE dan SDGs ini juga dapat dilihat sebagai salah satu cara membantu menangani permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat dan komuniti setempat dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan sekali gus dapat menangani isu kemiskinan. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut SOP COVID-19 dan mendapat maklum balas positif daripada peserta.

Program yang melibatkan tiga pembentang ini terdiri daripada individu yang mempunyai kepakaran dan kelayakan dalam bidang Keusahawanan Sosial Koperasi & Komuniti serta mempunyai kepakaran SDGs.



Sesi Perkongsian Pengalaman Model SE di Malaysia.

Memperkasa Hala Tuju Perniagaan Koperasi MiRiCLE

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikkm.edu.my

Sektor Keusahawanan dan Perniagaan



Peserta Bengkel Perancangan Strategik MiRiCLE.

Bengkel Perancangan Strategik MiRiCLE telah diadakan pada 27-28 September 2020 bertempat di Hotel Crown Garden, Kota Bharu, Kelantan. Sebanyak tiga buah koperasi telah terlibat dalam bengkel ini iaitu Koperasi Harapan Perdana Kelantan Berhad, Koperasi SMK Kubang Telaga Berhad dan Koperasi Alumni 4B Kelantan Berhad. Bengkel ini dihadiri oleh 28 peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi. Tujuan utama bengkel tersebut diadakan untuk membantu koperasi membuat perancangan strategik khusus berkaitan perniagaan mereka. Perancangan

Strategik meliputi visi, misi, perancangan koperasi untuk lima tahun akan datang berserta Analisis SWOT telah berjaya disiapkan pada akhir bengkel tersebut.

Selain itu, pada sesi terakhir bengkel tersebut, Pengurus Pembangunan Ummah Kelantan Berhad (KOUMMAH) iaitu Encik Luqman Nurhakim bin Perma Suria telah dijemput untuk memberikan sedikit taklimat berkaitan perniagaan dan cabaran dalam mengendalikan koperasi. Tujuan lain Pengurus tersebut dijemput untuk menjalankan kerjasama atau "Business Matching" antara KOUMMAH dan juga Koperasi MiRiCLE khusus dalam bidang perniagaan.

Terdapat pelbagai idea dilontarkan oleh peserta bengkel bertujuan menambah baik koperasi dan perniagaan mereka pada masa akan datang. Pada akhir sesi bengkel tersebut, perancangan program untuk koperasi mereka bersama dengan pegawai Institut Koperasi Malaysia juga dirangka agar objektif program MiRiCLE akan dapat dipenuhi. Antara program yang dicadangkan antara koperasi dan IKM ialah Bengkel membuat Aturan Perniagaan Koperasi, Bengkel merangka Kertas Kerja Permohonan Pinjaman, lawatan Subject Matter Expert (SME) oleh Sektor Keusahawanan dan Perniagaan ke ladang koperasi, dan lain-lain.

Roadmap Strategi Perniagaan Koperasi

Hjh. Yusnita Othman
yusnita@ikkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



ALK Koperasi IKBN Bukit Mertajam Bhd yang menghadiri Bengkel Roadmap Strategi Perniagaan Koperasi pada 5-6 September 2020.



Sesi coaching bersama Dr. Zurita, Pengarah IKM Zon Utara.

Menjadi sebuah koperasi yang berdaya maju merupakan impian bagi setiap koperasi. Untuk merealisasikan impian ini sudah tentu koperasi perlu jelas dengan hala tuju yang ingin dicapai. Lantas, koperasi yang diterajui oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dituntut untuk merancang strategi yang ideal agar koperasi dapat beroperasi dengan baik serta berupaya mencapai matlamat penubuhannya.

Melihat kepentingan ini, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan tiga siri Bengkel Road Map Strategi Perniagaan Koperasi. Penganjuran program ini merupakan salah satu program tambah nilai untuk koperasi di bawah program MiRiCLe di zon utara. Justeru, pada 5 hingga 6 September 2020 telah berlangsung bengkel ini bersama Koperasi IKBN Bukit Mertajam

Berhad diikuti 8 September 2020 bersama Koperasi Pegawai JPJ Negeri Kedah Berhad dan bersama Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad pada 9 September 2020.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk membantu koperasi menetapkan hala tuju, mengenal pasti fokus strategi koperasi dari aspek tadbir urus dan perniagaan serta membangunkan pelan strategik koperasi. Bengkel bersama



Perbincangan meja bulat bersama pakar rujuk dan pengarah IKM Zon Utara.



Bimbingan oleh pakar rujuk dalam perbincangan kumpulan.

koperasi ini dikendalikan oleh Encik Zainuddin bin Ali selaku pakar rujuk bersama Pengarah IKM Zon Utara, Dr. Zurita binti Mohd Saleh. Menerusi bengkel ini, ALK telah diberi kefahaman tentang kaedah untuk merancang strategi perniagaan dengan berkesan, menginterpretasi persekitaran dalaman dan luaran dengan tepat serta melaksanakan penilaian prestasi dan pengawalan dengan sewajarnya.

Menyngkap inti pati bengkel, jelas merangkumi setiap aspek dalam pengurusan strategik. Pada peringkat awal, koperasi membuat perancangan strategik dengan membentuk visi, misi dan objektif, mengimbas persekitaran koperasi serta menjana dan memilih strategi. Penelitian terhadap fokus strategi

turut ditekankan dalam bengkel ini yang mana koperasi dibimbang untuk membuat penilaian ERRC iaitu Hapus (*Eliminate*), Kurang (*Reduce*), Tingkat (*Raise*) dan Wujud (*Create*). Penilaian ini penting bagi menentukan tindakan jangka pendek, sederhana mahupun panjang oleh koperasi dalam menjana pendapatan perniagaan. Seterusnya pada peringkat akhir, koperasi membangunkan pelan strategik yang bakal menjadi *Blueprint* yakni pelan tindakan koperasi bagi memastikan apa yang dirancang itu ada kesinambungan dan tidak tersasar daripada apa yang dirancang demi keuntungan koperasi dan kepentingan anggota.

Sesungguhnya, menerusi bengkel ini ALK telah menimba ilmu baharu yang mana dapat meningkatkan tahap

kompetensi mereka dalam pengurusan strategik. Bimbingan oleh pakar rujuk yang berpengalaman luas dalam bidang koperasi memudahkan lagi mereka memahami keperluan terhadap tadbir urus yang baik dalam menyokong pengurusan perniagaan tanpa mengetepikan nilai dan prinsip koperasi yang didokong selama ini.

Rata-rata ALK yang hadir menyuarakan rasa berpuas hati dengan perjalanan bengkel ini dan berharap akan diadakan pula bengkel yang menjurus kepada model perniagaan koperasi selepas ini. Diharapkan ALK mengambil peluang keemasan ini untuk berterusan memajukan diri dan mewujudkan suatu taraf kemahiran yang sesuai selaras dengan pertumbuhan koperasi.



ALK Koperasi Pegawai JPJ Negeri Kedah Bhd yang menghadiri Bengkel *Roadmap Strategi Perniagaan Koperasi*, 8 September 2020.



Kunjungan Hormat IKM ke COOPBANK PERTAMA - 7 September 2020

Bicara Ilmu Keusahawanan Koperasi 2020 Secara Online

'Cara Mudah Buat Ayat Copywriting'
MDM. FIZA (Cikgu Copywriting)
eUsahawan Master Trainer
Tarikh: 20 November 2020 (Jumaat)
Waktu: 10.00 pagi

BICARA ILMU KOPERASI 2020 SECARA ONLINE
"GAYA HIDUP KEWANGAN PASCA COVID-19"
21 SEPT 2020 ISNIN | 10.30 - 11.30 PAGI
Yuran PERCUMA
Tonton video secara LIVE di www.facebook.com/institutkoperasimalaysia

BICARA ILMU : "MODEL BISNES KOPERASI DI MUSIM COVID-19"
Penceramah: ZUSUFF KAN
Business Designer Startlah Innovation PLT
Anjuran : Sektor Keusahawanan dan Perniagaan Institut Koperasi Malaysia
2 September 2020 (Rabu)
10.30 Pagi

BICARA ILMU KOPERASI 2020 SECARA ONLINE
KESAN COVID-19 KE ATAS PASARAN SAHAM: PELUANG DI DALAM KRISIS
15 OGOS 2020 SABTU | 10.00 - 11.00 PAGI
Yuran PERCUMA
Tuan Nazarry Rosli
President Persatuan Remaja Buruh Selera Malaysia
Tonton video secara LIVE di www.facebook.com/institutkoperasimalaysia

BICARA ILMU KEUSAHAWANAN KOPERASI 2020 SECARA ONLINE
SESI 1 PEMBANGUNAN ORGANISASI (OD) : REFORMAT PELAN PERNIAGAAN ANDA SELEPAS PKP 11 OGOS 2020, 10.00 PAGI
SESI 2 STRATEGI PERNIAGAAN ANDA MELALUI PENDEKATAN "ORGANISATION DEVELOPMENT (OD)" 18 OGOS 2020, 10.00 PAGI
COACH HUSSAINI ZAINI Certified Trainer HRDF
Tonton video secara LIVE di www.facebook.com/institutkoperasimalaysia

BICARA ILMU TIPS SURVIVAL USAHAWAN PASCA COVID19
bercakap bersama : Pu. Nur Asyifa binti Ajis dan ahli dikenali dengan DR. KIPAS
12 Ogos 2020 (Rabu) 10.00 - 11.00 Pagi
Tonton video secara LIVE di www.facebook.com/institutkoperasimalaysia

Program FB Live IKM





Wacana Sinar @ Sinar Harian - 24 September 2020



Gerakan koperasi perlu diremajakan

SHAH ALAM - Gerakan koperasi di Malaysia perlu diremajakan bagi memastikan ia seiring dengan perkembangan zaman, selain boleh mencakup keanggotaan golongan muda.

Ketua Pengaroh Institut Koperasi Malaysia (IKM), Mohd Roslan Amin berkata, selaras dengan itu, aktiviti membabitkan koperasi perlu diwujudkan pada peringkat sekolah dan universiti.

"Semua pihak perlu memecahkan gerakan koperasi dengan melakukan beberapa aktiviti pada peringkat universiti dan sekolah."

"Angka banyak meng-

adakan program di sekolah bagi memberi semangat koperasi anak muda tetapi kami mendapati ia terputus apabila mercaha memasuki universiti."

"Jadi ini yang kita cuba hendak maskan (aktiviti koperasi di universiti). Kita mahu selepas tamat belajar, mereka masih meneruskan semangat ini (koperasi)," katanya pada program Wacana Sinar Harian Siri 196 bertajuk "Gerakan Koperasi: Mendepani Krisis dan Cabaran di Kumpulan Kangkraf di sini pada Khamis lalu.

Mengulas lanjut, Mohd Roslan berkata, dakaun mengatakan gerakan koperasi kini berada pada zaman senja sememangnya diakui kerana ada sepetak ngahibah tidak mahu melukau perubahan.

"Usaha meremajakan koperasi perlu bermula dengan mengubah minda ahli dan gerakan koperasi yang terlibat," kata beliau.



Segmen Mesra Koperasi @ IKIM FM - 12 Ogos 2020



Selangor FM



KL FM



Seleksi Petang @ Pahang FM



RTM



Kursus Asas Koperasi “Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)”

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Majlis Perasmian Program oleh YH. Dato' Abdul Manan bin Abdul Rahman, Pengerusi Koperasi Serbausaha Makmur (KOSMA) Berhad.



Sesi perbincangan oleh peserta untuk aktiviti kumpulan bagi sesi kepimpinan.

Kursus Asas Koperasi bersama Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) telah diadakan pada 25 - 26 September 2020 di Kompleks Perladangan KOSMA, Rompin anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur. Kursus secara *in-house* ini berlangsung selama sehari setengah bermula pada jam 8.00 malam dan berakhir pada jam 5.00 petang keesokan harinya. Majlis perasmian program diadakan sebelum program bermula dan telah disempurnakan oleh Pengerusi KOSMA, YH. Dato' Hj. Abdul Manan bin Abdul Rahman.

Objektif kursus ini adalah memberi kefahaman mengenai jati diri dan kefahaman koperasi kepada anggota. Selain itu, peserta juga didedahkan berkaitan perundangan koperasi dan mereka berpeluang berinteraksi secara bersemuka dengan tenaga

pengajar mengenai Undang-undang Kecil Koperasi mereka bagi mendapatkan lebih kefahaman. Pada akhir sesi berkaitan kepimpinan, peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi mengasah kemahiran dan kepimpinan anggota selaku barisan pelapis kepada koperasi.

Kursus ini telah disertai seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan dan anggota KOSMA. Tenaga pengajar untuk kursus ini adalah Pegawai Latihan daripada IKM Zon Timur iaitu Puan Maryam Hamidah bt Mohd Ghazi selaku penyelaras program dan dua orang Pegawai Latihan Kanan daripada IKM Zon Tengah iaitu Puan Rohalinda bt Ahad dan Puan Rina Fairuz bt Jahya.

Secara keseluruhannya, kursus ini amat bermanfaat dan diharapkan agar semua peserta yang hadir dapat menggunakan ilmu yang telah dipelajari untuk diaplikasikan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai ALK, kakitangan dan anggota koperasi.




Peserta juga didedahkan berkaitan perundangan koperasi dan mereka berpeluang berinteraksi secara bersemuka dengan tenaga pengajar mengenai undang-undang kecil koperasi mereka bagi mendapatkan lebih kefahaman



Gambar kenangan peserta Kursus Asas Koperasi bersama barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan tenaga pengajar IKM.

Taklimat Online Penyenaraian Koperasi di Bursa Malaysia

Julizah Sabstu
julizah@ikkm.edu.my
Pusat Kewangan dan Akaun



Antara peserta yang terlibat dalam program ini.

Satu Taklimat Online: Penyenaraian Koperasi di Bursa Malaysia telah diadakan pada 11 November 2020 yang lalu oleh Pusat Kewangan dan Akaun. Program ini telah dijalankan selama tiga jam melalui aplikasi Google Meet. Program yang julung kalinya diadakan atas inisiatif Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) ini adalah untuk memastikan koperasi terus berdaya saing dan kekal relevan dalam konteks ekonomi semasa.

Objektif program ini adalah untuk memberi penerangan lanjut berkaitan keperluan, kebaikan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh koperasi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membincangkan pandangan koperasi berkaitan isu penyenaraian koperasi di Bursa Malaysia. Program ini telah dihadiri seramai 44 orang wakil daripada agensi dan koperasi. Terdapat empat sesi taklimat iaitu daripada Bursa Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi

Malaysia (IKM) dan wakil dari koperasi. Sesi pertama yang dibentangkan oleh Bursa Malaysia menerangkan beberapa kelebihan yang diperoleh oleh koperasi melalui penyenaraian saham antaranya pantas dalam mendapatkan modal, peningkatan pendapatan serta dapat menambahkan ahli. Sesi kedua diteruskan oleh pembentang daripada SKM yang menjelaskan berkaitan perundungan dan ciri-ciri yang perlu dititikberatkan koperasi sebelum terlibat dalam penyenaraian saham di Bursa Malaysia. Pembentang

dari IKM pula menjelaskan tentang model penyenaraian saham koperasi di pasaran terbuka berdasarkan kisah kejayaan koperasi luar negara. Pengisian dalam pembentangan ini berkaitan model-model yang telah diguna pakai di luar negara yang boleh dijadikan contoh di Malaysia. Sesi terakhir pula terbuka kepada wakil koperasi

yang membincangkan dan memberi pandangan berkaitan penyenaraian saham di Bursa Malaysia.

Hasil daripada program ini mendapat reaksi yang positif dari koperasi dan seluruh agensi yang terlibat. Warga koperator berpendapat koperasi wajar diberikan ruang dan peluang untuk disenaraikan di Bursa Malaysia agar

mudah untuk koperasi mendapatkan modal dan seterusnya lebih telus dalam memberikan input berkaitan koperasi. Terdapat juga pandangan daripada koperasi yang perlu diambil tindakan oleh agensi antaranya memperhalusi lagi modus operasi serta berkaitan isu perundangan.

Jadual 1: Senarai koperasi dan agensi yang terlibat dalam program Taklimat Online: Penyenaraian Koperasi di Bursa Malaysia.

Bil	Senarai Agensi dan Koperasi	Bil	Senarai Agensi dan Koperasi
1	Bahagian Pembangunan Koperasi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (Moderator Program)	12	Koperasi Permodalan FELDA Malaysia 2 Berhad
2	Bahagian Statutori dan Kawal Selia, (SKM)	13	Koperasi Rakan Tekun Berhad
3	Bahagian Pembangunan Modal Insan (PMI)	14	Koperasi LLM Berhad
4	Institut Koperasi Malaysia	15	Koperasi Kakitangan Bernas Berhad
5	Bursa Malaysia	6	Koperasi pelabuhan Johor
6	Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad	17	Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad
7	Koperasi UNIKEB Berhad	18	Koperasi Kredit Dan Pelaburan Kakitangan Bank Negara Malaysia Berhad
8	Koperasi TNB	19	Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad
9	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad	20	Koperasi Serbaguna Miri Berhad
10	Kop Angkatan Tentera Malaysia Bhd	21	Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad (KOIMAN)
11	Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO)	22	Koperasi Yapeim Berhad

Noor Azrin Kasim is presenting

Aziah Ahmad Ba... and 31 more

10:16 AM

CIRI-CIRI KOPERASI (SYER)

Pengambilan yuran bagi Koperasi Kredit (Seksyen 50 Akta Koperasi 1993)	Anggota perlu mengekalkan syer minimum sepetimana mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi. (Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota)	Penerimaan anggota baru diputuskan dalam me-suatu Lembaga Koperasi terlebih dahulu mengikut Undang-Undang Kecil koperasi. (Kuasa dan kewajipan Lembaga)
Keanggotaan Bank Rakyat dan CBP terbuka kepada Bumiputera melalui pemilikan syer sahaja dan tiada yuran dikenakan kepada anggotanya.	Keanggotaan Koperasi Kredit hanya terbuka kepada komuniti tertentu. Sebagai contoh: Koperasi Tentera, Koperasi Polis.	Sistem yang akan dibangunkan hendaklah mengambilkira ciri-ciri Koperasi.

Sesi taklimat oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Jaringan Kerjasama IKM Zon Utara dan ANGKASA Utara dalam Pembangunan Gerakan Koperasi

Nur Shuhada Hj. Mohd Ali

nurshuhada@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Perbincangan sedang berlangsung.

Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Utara telah menerima kunjungan hormat dari ANGKASA Utara (negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) pada 14 Julai 2020 yang lalu. Kunjungan hormat ini diadakan bagi bertemu dengan Pengarah IKM Zon Utara yang baharu iaitu Dr. Zurita binti Mohd Saleh serta mengadakan perbincangan penyelarasan program anjuran bersama bagi tahun 2020 dan 2021.

Kunjungan hormat ini telah dihadiri oleh 25 orang delegasi yang terdiri

daripada YBhg. Dr. Haji Mohd. Azlan bin Yahya, Naib Presiden ANGKASA, Pengurus ANGKASA Negeri, Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN) dan Pegawai ANGKASA negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Antara pengisian utama perbincangan adalah seperti berikut:

- 1. Kepentingan perancangan program pembangunan modal insan dan kapasiti perniagaan koperasi berdasarkan data yang lebih terperinci.**

Didapati bahawa bilangan gerakan koperasi di setiap negeri di bawah kategori zon utara adalah sebanyak 1,643 koperasi di negeri Perak, 731 koperasi di Pulau Pinang, 978 koperasi di negeri Kedah dan sebanyak 208 koperasi di negeri Perlis (SKM, 2019). Namun, perincian data koperasi bagi setiap negeri di Zon Utara diperlukan agar ciri-ciri dan isu setiap kategori koperasi dapat dikenal pasti sebelum perancangan program yang bersesuaian dan signifikan dibangunkan.



Penyerahan cenderahati.

2. Penyelarasan program seperti program latihan, bimbingan, khidmat nasihat dan MiRiCLE.

Melalui jalinan kerjasama, IKM Zon Utara dan ANGKASA akan merencana program 2021 yang relevan dan signifikan. Hal ini bagi memastikan keberkesanan dalam menyampaikan perkhidmatan latihan dan bimbingan kepada gerakan koperasi khususnya di Utara dapat dicapai. Malah, isu yang berkaitan dengan pertindihan program anjuran IKM dan ANGKASA,

yang dihadiri oleh peserta yang sama dapat ditangani. IKM Zon Utara turut menyatakan sokongan dalam pelaksanaan program anjuran ANGKASA seperti CEP 1, CEP 2, CEP 3, BA 100 dan KoopFarmasi. CEP 1 merupakan projek memperkasakan koperasi seperti projek jagung bijirin di Napoh, Jitra, Kedah. CEP 2 pula adalah projek koperasi yang dikenal pasti mempunyai potensi untuk dimajukan. Dalam hal ini, ANGKASA akan membantu koperasi

berkenaan untuk menjayakan projek yang sesuai dan dipersetujui secara bersama. Manakala, CEP 3 adalah projek memperkasakan koperasi sedia ada dalam bentuk khidmat nasihat, bimbingan dan latihan.

Secara keseluruhannya, perjumpaan ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada kedua-dua pihak iaitu antara ANGKASA Utara dan IKM Zon Utara. Hasil perbincangan ini kedua-dua pihak bersetuju untuk memberi tumpuan kepada latihan dan bimbingan dalam sektor perladangan, pemborongan dan peruncitan, pengangkutan, pelancongan serta perkhidmatan. Justeru, IKM dan ANGKASA akan menjurus kepada aspek pengukuhan program tahun 2020 dan seterusnya mengenal pasti program latihan dan bimbingan yang dapat dilaksanakan secara kerjasama bagi tahun 2021. Signifikannya, perancangan program yang akan dibangunkan perlu menepati sasaran agar kelangsungan aktiviti perniagaan koperasi serta pengiktirafan perniagaan koperasi dalam landskap perniagaan di Malaysia dapat dicapai.



Sesi bergambar ANGKASA dan IKM Zon Utara.

ICA-AP International Webinar Co-operative Training and Education Remote Learning, EdTech & COVID-19

R.Zarinatun Mohd Abdul Kader

zarinatun@ikkm.edu.my

Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

Program webinar yang pertama diadakan di antara ICA Asia Pacific (ICA-AP) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) di bawah Pusat Antarabangsa & Kolaborasi. Tajuk "International Webinar Co-operative Training And Education Remote Learning, EdTech & COVID-19" telah berlangsung pada 29 Julai 2020 secara dalam talian menggunakan platform zoom. Program ini merupakan pengalaman pertama YBhg. En. Mohd

Roslan bin Bani Amin, semenjak beliau menjawat jawatan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia pada 1 Jun 2020 dan melalui webinar dengan negara luar. Beliau amat teruja dengan peluang dan ruang yang diberikan sebagai wakil dan penceramah jemputan mewakili Institut Koperasi Malaysia untuk sama-sama memberi pendapat dan pengalaman sebagai institusi latihan dan pendidikan bagi meningkatkan pendidikan dan latihan

perkoperasian dalam pasca COVID-19. Program telah bermula mengikut waktu di India pada pukul 11.00 pagi dan waktu Malaysia ialah pada pukul 1.30 petang. Seramai lapan orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam program ini dan mereka mewakili institusi-institusi koperasi di negara masing-masing antara yang menyertai program ini ialah seperti berikut:



1. **Mr. Mohd Roslan Bani Amin** – Director General, Co-operative Institute of Malaysia (CIM), **Malaysia**

2. **Dr. K K Tripathy** – Director Vaikunth Mehta National Institute of Coop Management at Pune, **India**

3. **Dr. Dilip Deshpande**, Professor, Vaikunth Mehta VAMNICOM, Pune, **India**

4. **Mr. Balasubramaniam Iyer**, Regional Dierctor of International Cooperative Alliance, Asia Pacific (ICA-AP), **India**

5. **Dr. (Ms) Sidsel Grimstad** – Lecturer, University of Newcastle, **Australia**



6. **Dr. Burhanuddin Abdullah (BA)** – Rector of Institute of Cooperative of Indonesia (IKOPIN), **Indonesia**

7. **Prof (Dr) Harekrishna Misra** – Professor at Institute of Rural Management Anand, **India**

8. **Dr. V K Dubey** – Director of APEX Co-operative body in **India**

9. **Mr. Mohit Dave** – Program Manager, ICAA, **India**



YBhg. En. Mohd Roslan bin Bani Amin, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia sedang berlangsung secara dalam talian bagi program webinar ICAAP.

Objektif utama program ini adalah untuk berkongsi pengalaman, pendidikan dan amalan baik dan menekankan tentang strategi dan kaedah yang diguna pakai oleh setiap institusi koperasi dalam pendidikan dan latihan yang ingin disampaikan secara berterusan bagi menangani wabak COVID-19 di rantau ini.

Program ini telah diadakan secara perbincangan (roundtable discussion) di antara ketua-ketua institut koperasi di luar negara. Perbincangan berkaitan kesan COVID-19 terhadap aktiviti-aktiviti di institusi pendidikan dan latihan koperasi di negara masing-masing. Ia juga bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman di luar negara, strategi dalam penggunaan teknologi digital secara dalam talian (seperti persidangan video, e-pembelajaran, dan sebagainya). Perbincangan juga berkisar berkaitan perubahan kaedah pengajaran/latihan kepada dalam talian dengan penggunaan teknologi digital. Di samping itu, mengkaji implikasi, kewangan dan sosial, penggunaan platform yang berbeza terhadap pendidikan dan latihan, institusi latihan dan pelajar.

Akhir sekali, kesemua penceramah telah menyampaikan pengalaman dan cabaran yang berbeza-beza daripada kesan COVID-19 yang telah dihadapi. Justeru, setiap institusi latihan dan pendidikan koperasi boleh mempelajari dan mengambil contoh-contoh amalan terbaik di antara satu sama lain melalui sesi perkongsian ini. Melalui hasil perkongsian ini juga, para penceramah berpendapat bahawa dengan adanya jalinan kerjasama antara institusi latihan dan pendidikan serta ICA-AP sebagai badan penggerak koperasi antarabangsa ini, ia dapat mewujudkan rangkaian institusi dalam talian yang terlibat dalam latihan dan pendidikan koperasi secara lebih terancang dan holistik.

Dr. K. K. Tripathy, IES
Director, Vaikunth Mehta National Institute of Co-operative Management (VAMNICOM) & Center for International Co-operation & Training in Agricultural Banking (CICTAB), Pune (India)

Mr. Balasubramanian Iyer
Regional Director (ICA-AP) New Delhi (India)
His experience across Asia extends in the areas of cooperatives, business associations, water, food-security, women's empowerment and economic development. He serves as the Administrator for the ICA Domus Trust.

Dr. Sidsel Grimstad
Sidsel is a lecturer and Program Convener for Australia's only degree in co-operative's organisation and management taught online at the University of New South Wales. She is currently doing research on co-operative housing and community renewable energy solutions.

Dr. Harekrishna Misra
Professor, Institute of Rural Management (IRMA), Anand (India)
Holds a doctorate degree in the area of Information Systems Management. He is a member of IEEE, ACM and Association of Information Systems, USA.

Dr. Mohd Roslan Bani Amin
Took his A Levels at Harrogate College of Further Education Yorkshire England. Now he has been appointed as the Director General of Co-operative Institute of Malaysia.

Dr. Dilip Deshpande
Professor, VAMNICOM, Pune (India)
Former Director, Bankers Institute of Rural Development (BIRD), Lucknow (India)

Dr. V. K. Dubey
Executive Director of National Co-operative Union of India (NCUI) & Director of National Council for Co-operative Education, NCCE; New Delhi (India)

Vaikunth Mehta National Institute of Cooperative Management (VAMNICOM)

(Ministry of Agriculture & Farmers Welfare, Government of India)

Savitribai Phule Pune University Road, PUNE 411007 – India

E-mail : info@vamnicom.gov.in Website : www.vamnicom.gov.in

Senarai penceramah yang mengikuti program *roundtable* webinar yang mewakili institusi masing-masing.



Program berlangsung dengan ucapan oleh Dr. K K Tripathy-Director Vaikunth Mehta National Institute of Cooperative Management at Pune, India, Pengurus Majlis.

Lawatan Penyelidik Institut Koperasi Malaysia (IKM) ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikm.edu.my

Sektor Keusahawanan dan Perniagaan



Gambar bersama ALK Koperasi Siswa UiTM Tapah Berhad.

Kumpulan Penyelidik Penyelidikan Keusahawanan Mahasiswa Koperasi Siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjalankan temu bual, edaran borang soal selidik dan merangka program kerjasama untuk tahun 2019/2020 bersama Koperasi Siswa. Sebanyak tujuh koperasi telah dilawati untuk memenuhi tujuan tersebut antara bulan Ogos-September 2020. Setiap lawatan ke koperasi melibatkan sesi

temu bual bersama Anggota Lembaga Koperasi (ALK), kakitangan pengurusan dan anggota koperasi. Objektif utama pertemuan tersebut adalah mendapatkan input dan maklumat berkaitan aktiviti keusahawanan anggota, maklumat am koperasi dan cabaran berkoperasi. Borang soal selidik juga diberikan kepada mereka untuk dijawab. Berikut adalah maklumat perjumpaan dengan Koperasi Siswa antara bulan Ogos – September 2020:

Jadual 1: Maklumat Lawatan ke Koperasi Siswa (KOSISWA) antara bulan Ogos - Sept 2020

Bil	Nama Koperasi Siswa (KOSISWA)	Tarikh Perjumpaan
1.	Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad	9 Ogos 2020
2.	Koperasi Siswa UMK Jeli Berhad	16 Ogos 2020
4.	Koperasi Siswa UiTM Pulau Pinang Berhad	19 Ogos 2020
5.	Koperasi Siswa UiTM Tapah Berhad	24 Ogos 2020
6.	Koperasi Siswa UiTM Pahang Berhad	28 Ogos 2020
7.	Koperasi Siswa UTP Berhad	9 Sept 2020
8.	Koperasi Siswa UIA Kuantan Berhad	15 Sept 2020

Gambar bersama penasihat dan ALK Koperasi Siswa UIA Kuantan Berhad.



Gambar bersama ALK Koperasi Siswa UiTM Berhad.



Gambar bersama ALK Koperasi Siswa UiTM Pahang Berhad.

Sebanyak tujuh koperasi ini merupakan tambahan lawatan kepada 21 buah Koperasi Siswa yang telah dibuat sebelum ini. Pasukan penyelidik masih memerlukan responden untuk menjawab borang soal selidik bagi memastikan sampel yang diperoleh mencukupi untuk penyelidikan ini. Pasukan penyelidik memperoleh banyak maklumat berkaitan lawatan yang telah dilakukan. Antara maklumat yang diperoleh ialah maklumat berkaitan koperasi, perniagaan yang dijalankan, prestasi dan kedudukan kewangan dan lain-lain.

Banyak manfaat diperoleh daripada lawatan ini. Sebagai contoh pada tahun 2021, terdapat beberapa perancangan dirangka untuk mengadakan program kerjasama bersama Institut Pengajian Tinggi ini. Pihak IKM bercadang menjalankan Kursus Wajib 1-3, Kursus berkaitan Keusahawanan dan Kem Keusahawanan Komuniti bersama mereka. Ini menjadi petanda dan permulaan yang baik untuk IKM mengembangkan jaringan kerjasama dengan pihak universiti tempatan pada masa akan datang.

Menerusi lawatan itu juga, pasukan penyelidik dapat mengenal

pasti apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh Koperasi Siswa. Terdapat banyak isu dan masalah yang telah dibincangkan dan diperhalusi bersama pasukan penyelidik. Antara jalan penyelesaian yang dicadangkan kepada mereka adalah menghadiri kursus di IKM selain mendapatkan bantuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi masalah berkaitan pembiayaan dan ANGKASA untuk jalinan kerjasama dalam menjalankan perniagaan dan sistem perakaunan. Justeru, lawatan ini memberikan manfaat yang baik kepada kedua-dua pihak.



Gambar bersama ALK Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad.



Bengkel Penyelarasan MiRiCLE Zon dan Sektor Keusahawanan dan Perniagaan

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikkm.edu.my
Sektor Keusahawanan dan Perniagaan

Bengkel Penyelarasan MiRiCLE telah diadakan pada 2 September 2020 bertempat di Bilik Kuliah Bunga Raya, Institut Koperasi Malaysia (IKM). Program ini melibatkan kesemua enam Zon IKM meliputi 80 orang pegawai di seluruh Malaysia. Tujuan utama bengkel diadakan adalah untuk membuat penyelarasan program MiRiCLE antara Zon dan Sektor Keusahawanan dan Perniagaan.

Antara pengisian program ialah taklimat berkaitan perisian GrowthWheel oleh Coach Hussaini bin Zaini, salah seorang pelopor terawal yang mengguna dan memperkenalkannya di Malaysia. Melalui perisian tersebut, ia dapat membantu menghasilkan laporan yang baik untuk diberikan kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) secara bulanan terutamanya apabila melibatkan maklumat yang banyak berkaitan Koperasi MiRiCLE seperti jenis dan jumlah program, kos yang terlibat, output dan outcome, dan lain-lain.

Selain itu, peserta juga diberi penerangan berkaitan program C.O.D.E

oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) IKM. Selaras dengan fokus IKM untuk mempertingkatkan amalan Revolusi Industri 4.0 dalam gerakan koperasi, program ini dapat membantu mengaplikasikan teknologi dalam pengurusan koperasi dari segi tadbir urus dan perniagaan mereka. Menerusi bengkel itu juga, satu taklimat berkaitan penambahanbaikan penulisan laporan MiRiCLE telah berlangsung. Penambahanbaikan ini melibatkan maklumat seperti kos dan impak untuk program yang dijalankan bersama Koperasi MiRiCLE. Malah, perbincangan berkaitan isu dan masalah semasa mengendalikan MiRiCLE turut diadakan. Sesi perbincangan mengenai penyelarasan kaedah turun padang dan diagnosis antara zon dan sektor turut menjadi intipati utama perbincangan dalam bengkel tersebut.

Terdapat pelbagai lontaran idea dan perkongsian masalah diajukan oleh peserta bengkel bertujuan menambah baik pelaksanaan program MiRiCLE pada masa akan datang. Pada akhir



Taklimat oleh Coach Hussaini bin Zaini berkaitan Growthwheel.

sesi bengkel, beberapa kata putus dan keputusan telah diperoleh khususnya berkaitan penambahanbaikan laporan dan pelaksanaan turun padang antara zon dan sektor. Hal ini amat penting kerana peranan yang dimainkan oleh sektor adalah sebagai Subject Matter Expert (SME) untuk projek yang dijalankan oleh Koperasi MiRiCLE. Akhir kata, bengkel ini diharap dapat membantu pegawai IKM dalam mendapatkan input dan maklumat untuk melaksanakan program MiRiCLE.

Lawatan Penanda Aras EKSA ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEM)

Norfaezah Mahmood

norfaezah@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Sesi taklimat EKSA.



Sesi bergambar bersama dengan warga kerja IKM Zon Selatan dan warga kerja JUPEM.

Lawatan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor (JUPEM) di Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek, Johor Bahru telah diadakan pada 27 Ogos 2020 yang lalu. JUPEM Johor telah dipilih sebagai penanda aras EKSA pada kali ini kerana prestasinya yang cemerlang sehingga mampu memperoleh pensijilan EKSA Cemerlang daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 15 September 2018. Malah, konsistensi JUPEM dalam pelaksanaan Amalan 5S sejak 2010 membuatkan organisasi ini mampu untuk terus berada pada tahap yang membanggakan.

Lawatan yang mengambil masa separuh hari ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan perkongsian pengalaman

mengenai amalan EKSA di JUPEM Johor bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Seramai sembilan orang warga kerja Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan termasuk Timbalan Pengarah telah turut serta dalam lawatan ini. Ia merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi IKM Zon Selatan dalam usaha mendapatkan pensijilan EKSA. Langkah ini selaras dengan usaha untuk memperkuatkannya budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga IKM Zon Selatan.

Program lawatan tersebut bermula dengan sesi bacaan doa, kata alu-aluan daripada Timbalan Pengarah Ukur 1 iaitu Encik SR Powzy bin Mohd Som, sesi taklimat EKSA oleh Puan Ida Kamilia binti Mudzakir serta sesi soal jawab

sebelum diteruskan dengan sesi lawatan ke zon-zon EKSA sekitar pejabat tingkat 7-9, Blok A. Secara keseluruhannya, lawatan ini memberikan banyak input terutamanya dalam usaha IKM Zon Selatan mendapatkan pendedahan awal serta melihat secara dekat pelaksanaan EKSA di JUPEM Johor.

Ringkasan sesi taklimat dan perkongsian dari pihak JUPEM Johor:

1. EKSA adalah penambahbaikan daripada Amalan 5S yang diperaktikkan oleh semua agensi kerajaan. Pengurusan tertinggi JUPEM Johor telah bersetuju beralih daripada Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) kepada Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) mulai tahun 2016.

2. Nama Zon EKSA di JUPEM Johor diambil bersempena nama-nama pulau di setiap daerah di negeri Johor iaitu Zon Pulau Rawa, Zon Pulau Aur, Zon Pulau Dayang, Zon Pulau Besar, Zon Pulau Ibol, Zon Pulau Lang dan Zon Pulau Besar.
3. JUPEM Johor menggunakan buku Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) serta garis panduan dan ‘slide’ dari MAMPU sebagai rujukan dalam melaksanakan EKSA.
4. Surat Pelantikan Jawatankuasa seperti Surat Lantikan Ketua Zon Induk, Surat Jawatankuasa Latihan Induk, Surat Jawatankuasa Audit Induk, Surat Jawatankuasa Promosi dan lain-lain jawatankuasa perlu disediakan untuk difailkan.
5. Jawatankuasa Induk amat digalakkan untuk menjalankan aktiviti gotong-royong perdana dan pertandingan setiap kategori di dalam EKSA bagi penglibatan semua zon dan sebagai lambang pengiktirafan terhadap usaha yang dilakukan oleh setiap zon.
6. Aktiviti dan kempen yang dijalankan dalam mempromosikan EKSA harus mempunyai pelbagai inovasi supaya dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
7. Aktiviti kitar semula menggunakan barang-barang terpakai amat digalakkan dalam menjalankan aktiviti EKSA dan penjualan barang kitar semula yang telah dikumpulkan perlu mempunyai resit dan rekod sebagai bukti untuk kerja-kerja pengauditan.
8. Kempen kitar semula merupakan salah satu inovasi bagi mendapatkan sumber kawangan dengan penjualan barang kitar semula yang telah dikumpulkan.
9. Bengkel, kursus dan lawatan perlu dijalankan oleh organisasi kerana ia merupakan salah satu platform untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan EKSA seperti taklimat pengenalan EKSA, lawatan penanda aras EKSA, bengkel pemantapan dan dokumentasi EKSA, Sesi ‘outreach EKSA, taklimat dan latihan fizikal keselamatan dari JPAM dan latihan kebakaran.
10. Alat pemadam api yang diletakkan di setiap tempat perlu diletakkan juga tatacara penggunaan dan tarikh luput peralatan tersebut.
11. Ruangan pantri perlu mempunyai satu sudut informatif untuk memperkenalkan peraturan, pemberitahuan dan informasi mengenai pemakanan atau kesihatan.
12. Kemudahan tanda arah atau petunjuk perlu dipamerkan dengan jelas di kawasan yang mudah dilihat.
13. Digalakkan untuk menggunakan kreativiti dan inovasi untuk menceriakan semua tempat.
14. Hiasan seperti pokok bunga serta peralatan yang diletakkan di laluan utama/umum harus disusun dengan kemas, bersih dan teratur supaya tidak menghalang laluan utama.
15. Peralatan pejabat perlu sentiasa dalam keadaan baik dan kelihatan kemas supaya boleh digunakan dengan selamat.
16. Pastikan lampu dan plug elektrik sentiasa berfungsi dan dilabelkan mengikut kesesuaian seperti mesin fotostat dan mesin faks.
17. Semua perabot dan peralatan pejabat harus tersusun kemas, berkeadaan baik serta tidak mengancam keselamatan pekerja.
18. Kreativiti menyusun perabot dan peralatan adalah digalakkan supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih selesa dan keceriaan di pejabat.
19. Susunan fail perlu teratur, mudah diperoleh, disimpan dan bersistem. Sistem pengurusan fail mestilah memudahkan pencarian/pencapaian dalam satu tempoh masa (contoh 30 saat per fail)
20. Pertandingan Hari EKSA seperti Amalan Zon EKSA Terbaik, Amalan Hijau Terbaik, Bilik Pejabat Terbaik, Sudut ‘Go Green’ Terbaik dan Sudut Zon EKSA Terbaik boleh dijalankan di organisasi bagi memupuk semangat kerjasama antara zon.



Lawatan ke Zon-zon EKSA di JUPEM.



Sesi penyampaian cenderahati kepada pihak JUPEM.

Bengkel Pembangunan Soal Selidik (Siri 1)

Norul Hayatie Hashim
hayatie@ikkm.edu.my
Pusat Penyelidikan



Peserta bengkel bergambar kenangan bersama Prof Ts. Dr. Noorman Masrek, selaku penceramah bengkel.

Pada tahun 2020, sebanyak enam penyelidikan baharu yang dilaksanakan oleh IKM. Justeru, bengkel berkaitan penyelidikan khususnya pembangunan soal selidik adalah satu platform untuk meningkatkan kompetensi Pegawai latihan IKM, terutamanya yang terlibat dalam penyelidikan yang sedang dilaksanakan. Dalam sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan, metode atau kaedah mendapatkan data merupakan proses yang sangat penting bagi memastikan daptatan kajian yang diperoleh tepat. Sesebuah kajian dapat dijalankan dengan baik sekiranya

pemilihan metode kajian dapat dikenal pasti dengan tepat. Untuk mendapatkan data yang tepat, kaedah penyelidikan kajian tersebut haruslah sempurna dan mengikut prosedur yang betul bagi menjamin daptatan kajian yang dihasilkan berkualiti.

Pusat Penyelidikan (CR) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Soal Selidik pada **6 – 7 Oktober 2020**. Objektif atau asas pertimbangan program ini adalah untuk memberikan pengetahuan dalam pembangunan soal selidik penyelidikan dan kepuasan pelanggan, memberikan pendedahan

berkaitan teknik membangunkan soal selidik dalam penyelidikan dan kepuasan pelanggan serta menghasilkan soal selidik yang komprehensif dan dinamik bagi memenuhi fungsi IKM yang berorientasikan pelanggan.

Kehadiran bengkel ini diwajibkan kepada peserta yang terdiri daripada Pegawai Latihan (Pengurusan dan Profesional) dan Pegawai Pengurusan di IKM. Seramai 39 orang peserta telah menghadiri kursus bagi sesi kali ini. Bengkel ini telah dikendalikan oleh penceramah jemputan Prof. Ts. Dr. Mohamad Noorman Masrek. Beliau



Prof Ts. Dr. Mohamad Noorman sedang memberikan penerangan teknik membangunkan soal selidik.



Pengarah Pusat Penyelidikan, Dr. Yusman Yacob menyampaikan cenderahati kepada Prof Ts. Dr. Mohamad Noorman sebagai tanda penghargaan.

merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat di Universiti Teknologi Mara. Bengkel selama dua hari ini memberikan banyak pengetahuan dalam aspek teknik pembangunan soal selidik yang tepat bagi memastikan soalan yang dibangunkan menjawab semua objektif kajian. Ciri-ciri instrumen yang baik perlu bersesuaian dengan responden, format instrumen yang sistematik, mempunyai arahan yang jelas di samping Pra Ujian (Pre-Test) dan ujian rintis perlu dijalankan sebelum soal selidik yang sebenar diedarkan kepada responden. Panduan yang tepat seperti penggunaan bahasa yang mudah, tidak mempunyai maksud yang berbeza, dan soalan yang berbentuk negatif, serta soalan yang mendorong responden kepada sesuatu maksud.

Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu instrumen yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang menjawab persoalan kajian. Individu yang membina borang soal selidik ini perlulah berpengetahuan luas agar soalan yang

dibina adalah wajar, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi emosi. Terdapat beberapa sebab mengapa borang soal selidik menjadi pilihan kebanyakan pengkaji. Antara sebabnya adalah kos membina borang selidik yang murah, masa yang diperuntukkan yang singkat, pengkaji boleh memperoleh data atau maklumat dari jumlah responden yang lebih ramai dan cepat, responden boleh memilih tempat dan masa yang mereka mahu bagi melengkapkan borang soal selidik yang diberikan, soalan tertutup lebih mudah jawapan responden yang seragam dan mudah dianalisis dan juga data yang lebih sulit tanpa mendedahkan maklumat responden.

Penyelidik yang baik akan memastikan metode ataupun kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data sesuai dengan jenis penyelidikan yang dijalankan. Data yang baik akan diperoleh daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian. Pendekatan penyelidikan yang bersesuaian, sama ada pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif ditentukan oleh objektif atau

hipotesis kajian. Terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh penyelidik mengikut kesesuaian kajian yang menggunakan metode jenis kuantitatif atau kualitatif. Sekiranya penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif, maka instrumen yang akan digunakan adalah menggunakan borang soal selidik.

Secara keseluruhannya, bengkel yang dianjurkan ini memberikan manfaat yang berguna kepada semua pegawai khususnya bagi pegawai yang akan membangunkan soal selidik. Hal ini berdasarkan fungsi IKM yang berorientasikan pelanggan dan tuntutan kerja pegawai yang sentiasa berhadapan dengan koperator, program-program seperti perundingan dan MiRiCLE, serta penyelidikan baharu yang dijalankan setiap tahun. Hasil daripada bengkel ini diharapkan dapat membantu penyelidik mengenal pasti teori yang hendak digunakan sebagai dasar kajian, serta elemen teori yang sesuai untuk digunakan dalam soal selidik bagi mengkaji aspek pengukuran (persoalan kajian/ hipotesis kajian). Bengkel ini akan diteruskan bagi sesi kedua, yang dirancang akan diadakan pada awal tahun 2021.

Kunjungan Hormat Pengarah IKM Zon Timur ke Pejabat SKM Negeri Pahang

Cik Norhazilina Abdul Halim

norhazilina@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Sesi interaktif dan rapat ukhwah Pengarah IKM Zon Timur bersama Pengarah SKM Negeri Pahang.



Penyampaian cenderahati sebagai tanda kenangan kepada Pengarah SKM Negeri Pahang, Encik Norazlan Haji Anuar.



Penyerahan beg mengandungi info dan maklumat berkaitan kursus dan latihan di IKM Zon Timur kepada Penolong Pengarah Kanan SKM Negeri Pahang.

Ukhwah diteruskan lagi oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur dengan meraikan pelantikan Encik Norazlan Haji Anuar, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pahang yang baharu melapor diri di Pejabat SKM Negeri Pahang pada 2 September 2020 (Rabu). Siri kunjungan hormat Pn. Haslinda Sujak, Pengarah IKM Zon Timur pada 17 September 2020 (Khamis) selain daripada meraikan pelantikan Pengarah SKM Negeri Pahang yang baharu juga membawa satu pertemuan yang lebih bermakna

dalam membincangkan hala tuju gerakan koperasi khususnya di negeri Pahang seperti berikut:

- i) Kompetensi koperasi dalam melengkapkan pernyataan kewangan dengan adaptasi penggunaan sistem kewangan serta peranan IKM dalam pengurusan latihan bersama SKM
- ii) Maklumat koperasi yang tidak aktif untuk diberi fokus dalam program latihan IKM
- iii) Data koperasi baharu didaftarkan bagi memastikan program latihan IKM dapat diikuti oleh koperasi

Perbincangan pada julung kali ini juga turut memfokuskan kepada perancangan dan pembangunan modal insan program latihan IKM 2021 yang lebih bersasar mengikut keperluan utama gerakan. Selain itu, kerjasama dengan SKM Negeri Pahang akan lebih diperkuatkan lagi dengan penglibatan bersama program untuk gerakan koperasi di negeri Pahang. Siri kunjungan hormat yang berlangsung lebih kurang separuh hari ini juga dilihat memberi impak yang baik buat kedua-dua agensi dalam menggembungkan tenaga dan idea untuk memangkin pembangunan ekonomi koperasi.

Kursus Teknik Komunikasi dan Pengucapan Berkesan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang

Norhazilina Abdul Halim
norhazilina@ikkm.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Antara kakitangan JANM yang menyertai Kursus Teknik Komunikasi dan Pengucapan Berkesan.



Peserta khusuk mendengar perkongsian ilmu dari Cik Hazilina.



Penglibatan Pn. Thuaibah Abdul Ghani, Pengarah Bahagian Sumber JANM di dalam kursus sebagai memberi sokongan kepada kursus yang dijalankan.



Penyerahan cenderamata kepada Puan Thuaibah Abdul Ghani, Pengarah Bahagian Sumber JANM.

Tanggal 21 Oktober 2020 yang lalu, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur telah terlibat dengan pengajian Kursus Teknik Komunikasi dan Pengucapan Berkesan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertempat di Wisma Persekutuan Pahang. Kursus ini melibatkan kira-kira 32 orang kakitangan JANM yang terdiri daripada pelbagai jawatan dan unit. Cik Norhazilina binti Abdul Halim, Timbalan Pengarah IKM Zon Timur telah memenuhi jemputan sebagai tenaga pengajar untuk mengendalikan kursus yang berlangsung selama sehari itu. Peranan dan penglibatan IKM Zon Timur serta hubungan kerjasama setempat yang dijalankan bersama agensi serta jabatan selain koperasi di negeri Pahang akan sentiasa memberi kesan yang positif pada IKM dan koperasi.

Pengendalian kursus pada kali ini memberikan penekanan kepada beberapa aspek iaitu memberi kefahaman dan mengaplikasikan konsep serta teknik-teknik dalam pengucapan awam. Sehubungan itu, untuk memastikan kursus ini dapat memenuhi objektif dan sasaran yang diharapkan oleh pihak JANM, susunan sesi kursus yang dirancang merangkumi:

- Kepentingan pengucapan awam
- Membangunkan kandungan ucapan
- Persediaan diri dan
- teknik penyampaian berkesan.

Perjalanan kursus mendapat kerjasama dan sokongan yang sangat baik bukan sahaja daripada kakitangan yang hadir namun penyertaan oleh Puan Thuaibah Abdul Ghani Pengarah Bahagian Sumber JANM sebagai peserta turut sama memberikan suasana yang sangat harmoni dan ceria.



Wedding village yang menjadi lokasi untuk penduduk tempatan dan luar mengadakan majlis perkahwinan dan program agensi kerajaan.

Lawatan Penanda Aras Kakitangan IKM Zon Timur ke Koperasi Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02 Berhad

Malesa Shela Ta'yib

malesa@ikkm.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Projek Sentuhan Kasih Felda (SKF) merupakan projek pembangunan komuniti oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang diperkenalkan bagi membantu generasi baharu FELDA. Projek ini menyediakan perumahan kepada generasi baharu FELDA dan turut menjadikan mereka sebagai peserta untuk menceburi projek tanaman berhasil tinggi. Pada 23 November 2020, Institut Koperasi Malaysia (IKM) Zon Timur telah berpeluang melawat salah satu projek SKF yang terletak di Felda Chini Timur 02. Lawatan yang disertai seramai 10 orang kakitangan IKM Zon Timur telah disambut baik oleh pihak

pengurusan Projek Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02.

Setakat ini terdapat dua projek SKF yang telah beroperasi iaitu di Felda Chini Timur 02 dan Felda Tenggaroh 3 yang mengusahakan projek tanaman Apollo Melon sebagai sumber pendapatan utama. Kunjungan IKM Zon Timur ke projek Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02 sangat bertuah kerana dapat melihat sendiri bagaimana peserta mengusahakan sendiri tanaman Apollo Melon ini daripada proses tanaman benih sehingga ke proses tuaian. Selain mengusahakan Apollo Melon sebagai



Melawat ke salah satu Green House (GH) Apollo Melon.



Hasil daripada penanaman timun Jepun oleh projek SKF Chini Timur 02.



Projek tanaman bayam.

tanaman utama, projek SKF Chini Timur 02 ini juga turut mengusahakan tanaman timun Jepun, bayam, fertigasi lada, cendawan tiram, ternakan ikan keli, angsa dan arnab sebagai pendapatan tambahan. Kepelbagai sumber pendapatan daripada tanaman dan penternakan ini adalah bertujuan memberi tambahan pendapatan kepada SKF ini sendiri dan dalam masa yang sama dapat dirasai oleh semua 97 pasangan peserta dan keluarga SKF Chini Timur 02.

IKM Zon Timur dalam sesi lawatan turut berkongsi pandangan dan pendapat dari sudut pengurusan dan pentadbiran koperasi memandangkan Koperasi Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02 Berhad masih baru ditubuhkan iaitu pada tahun 2018. Penubuhan koperasi ini adalah bertujuan supaya koperasi yang dianggotai oleh peserta-peserta SKF Chini Timur 02 ini boleh mengambil alih pengurusan perniagaan SKF Chini Timur 02 pada masa akan datang. Menariknya, koperasi ini turut menjalankan projek "Wedding Village" yang menyediakan tempat untuk penduduk tempatan dan luar menjalankan majlis perkahwinan dan program-program agensi kerajaan untuk komuniti setempat.

Sesi lawatan yang mengambil masa hampir tiga jam bersama pihak pengurusan dan peserta SKF Chini Timur 02 serta kakitangan IKM Zon Timur dilihat memberi impak positif dalam menjalankan kerjasama antara koperasi dan IKM pada masa akan datang. Pihak IKM mengucapkan ribuan terima kasih kepada peserta dan pengurusan SKF Chini Timur 02 khususnya atas layanan yang sangat baik serta perkongsian pengalaman mereka sebagai penanam Apollo Melon di Malaysia.



Apollo Melon yang telah dituai akan dibersihkan sebelum diasangkan mengikut gred atau saiz buah.



Maklumat komuniti projek Sentuhan Kasih Felda Chini Timur 02.


BUKU TERBITAN

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Dapatkan
Segera




BONGKAR
RAHSIA
KEJAYAAN
KOPERASI





ASAS
SIMPAN KIRA



PENGURUSAN
PASAR MINI
KOPERASI



PENGURUSAN KEWANGAN



KISAH
KEJAYAAN KOPERASI
(JILID 7,8 & 9)



DIMENSI KOOP

Maklumat Lanjut

Sila Hubungi:

Cik Zaharatul Laili (Pegawai Penerbitan IKM) Tel: 03-7964 9155 • laili@ikkm.edu.my

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SEWA KEMUDAHAN DAN FASILITI UNTUK PELBAGAI PROGRAM DAN ACARA.

AUDITORIUM DATO' ABDUL MAJID



Maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Pengurusan Fasiliti
Institut Koperasi Malaysia**
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000
Faks: 03-7954 3957
Laman web: www.ikkm.edu.my

**Encik Datu Zahiruddin
Datu Tambuyong**
03-7964 9098

Puan Siti Halijah Aris
03-7964 9104

BILIK PENGINAPAN



DEWAN MAKAN



GELANGGANG FUTSAL



BILIK KULIAH



GELANGGANG PETANQUE



KADAR SEWA FASILITI (KOPERASI / AGENSI KERAJAAN)

Fasiliti	Bilik Penginapan Jenis A	Bilik Penginapan Jenis B	Auditorium Dato' Abdul Majid	Dewan Makan Seri Siantan / Seri Tanjung	Bilik Kuliah Besar	Bilik Kuliah Kecil	Bilik Komputer	Gelanggang Futsal & Petanque
Kapasiti	RM80 semalam	RM50 semalam	220 orang	350 orang	80 orang	30 orang	50 orang	-
Sewa (5 Jam)	-	-	RM1,000	RM1,000	RM300	RM200	RM350 (9 jam) + LCD Projektor	RM60 (5 Jam Pertama)
1 Jam	-	-	RM150	RM150	RM50	RM50	RM30 setiap komputer yang digunakan	RM20
LCD Projektor (1 Jam)	-	-	RM280	RM280	RM280	RM280	-	-
Wang Cagaran	-	-	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200
TV Wall (1 Jam)	-	-	RM330	-	-	-	-	-



KADAR SEWA FASILITI (SWASTA / ORANG AWAM)

Fasiliti	Bilik Penginapan Jenis A	Bilik Penginapan Jenis B	Auditorium Dato' Abdul Majid	Dewan Makan Seri Siantan / Seri Tanjung	Bilik Kuliah Besar	Bilik Kuliah Kecil	Bilik Komputer	Gelanggang Futsal & Petanque
Kapasiti	RM80 semalam	RM50 semalam	220 orang	350 orang	80 orang	30 orang	50 orang	-
Sewa (5 Jam)	RM90 semalam	RM60 semalam	RM1,200	RM1,200	RM400	RM300	RM450 (9 jam) + LCD Projektor	RM110 (5 Jam Pertama)
1 Jam	-	-	RM150	RM150	RM50	RM50	RM30 setiap komputer yang digunakan	RM30
LCD Projektor (1 Jam)	-	-	RM280	RM280	RM280	RM280	-	-
Wang Cagaran	-	-	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200
TV Wall (1 Jam)	-	-	RM330	-	-	-	-	-



"Mengambil Tahu Untuk Membantu"

KELAYAKAN MiRiCLE

1. Koperasi berpotensi yang mahu dan ada komitmen meningkatkan prestasi.
2. Koperasi berpotensi yang bersedia bekerjasama dengan IKM.
3. Koperasi yang berpotensi dalam kluster mikro kecil dan sederhana.

APA ITU MiRiCLE

Program meningkatkan pendapatan koperasi kepada nilai jutaan.

TUJUAN WUJUD MiRiCLE

Meningkatkan kesejahteraan anggota dan koperasi melalui peningkatan pendapatan.

KENAPA MiRiCLE

Membantu koperasi mikro kecil dan sederhana yang berpotensi membangun dengan lebih terancang serta memperkasa sosioekonomi anggota koperasi.

STRATEGI MiRiCLE

- IKM Turun Padang ke koperasi.
- Program Tambah Nilai Kepada Perniagaan Koperasi.
- Program Bimbingan dan Susulan Bersasar.
- Pemantauan Berterusan.

ZON "TURUN PADANG"

- Kemahanuan
- Kesedaaan
- Keperluan

PUSAT KEPAKARAN- IKM

- Sektor / Teknikal
- Functional
- Konsultasi
- Penyelidikan
- Mentoring / Coaching

Bimbingan dan Latihan "On Demand"

Pembiayaan MiRiCLE



LALUAN PERTUMBUHAN MELALUI PENINGKATAN PRESTASI

- Tingkatkan produktiviti
- Kembangkan perniagaan sedia ada
- Mempelbagaikan perniagaan ke bidang baharu
- Amalan Pembudayaan Inovasi dan Aplikasi Teknologi

PENINGKATAN PENDAPATAN MELALUI TAMBAH NILAI

- Kursus
- Bengkel
- Khidmat Nasihat dan Bimbingan
- Mentoring dan Coaching
- Padanan Perniagaan



03-7964 9000



@miricleikm